

# • Industri keluli, aluminium tempatan mampu keluar produk terbaik dunia

UM 29 MAR 2002

SHAH ALAM 28 Mac — Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad berkata, industri pengeluaran barangan keluli dan aluminium tempatan mampu mengeluarkan produk terbaik di dunia sekiranya kegiatan penyelidikan dan pembangunan (R&D) ditingkatkan.

Perdana Menteri berkata, kerajaan sanggup memperuntukkan dana kepada industri untuk menggalakkan lagi kegiatan R&D.

“Tidak mustahil kita boleh mengeluarkan produk yang lebih baik atau terbaik di dunia jika kita mahu melakukannya, kerajaan sedia memberi sokongan dengan menyediakan dana untuk R&D,” ujarnya.

Dr. Mahathir yang juga Menteri Kewangan berkata demikian ketika berucap melancarkan anak syarikat Muhibbah Engineering (M) Bhd., Favelle Favco Cranes (M) Sdn. Bhd. dan kren buatan Malaysia di Jalan Kampong Jawa di sini hari ini.

Menurut Perdana Menteri, industri pembuatan barangan keluli dan aluminium telah dikenal pasti oleh kerajaan sebagai salah satu industri yang boleh meningkatkan lagi eksport negara yang sekarang ini terhad kepada barangan elektronik.

“Kita bernendoat industri ini mampu mengeluarkan pelbagai barangan termasuk kren, loji penapis minyak dan lain-lain lagi,” ujarnya.

Menurut Dr. Mahathir, kerajaan sedia menimbang permohonan syarikat tempatan seperti Favelle Favco yang mahukan layanan istimewa untuk membolehkannya bertapak di pasaran negara ini.

“Kita juga meminta syarikat tempatan agar memberikan keutamaan kepada barangan tempatan kerana terdapat banyak faedah yang boleh diberikan kepada negara.

“Kalau negara maju sanggup membeli produk Favelle Favco, saya tidak nampak kenapa syarikat tempatan tidak mahu membeli bara-

ngan buatan tempatan,” katanya.

Sementara itu, Perdana Menteri dalam sidang media kemudiannya berkata, kerajaan akan menubuhkan sebuah pusat pameran di Bahrain untuk mempamerkan produk-produk yang dikeluarkan oleh syarikat tempatan.

Katanya, pengeluar barangan tempatan diharapkan akan mempamerkan produk mereka dan menunjukkan rekod pencapaian barangan mereka di pasaran antarabangsa.

Mengenai ekonomi negara, Perdana Menteri berkata, prospek Malaysia adalah lebih baik tahun ini.

Dr. Mahathir bagaimana pun mengekalkan pertumbuhan Keluaran Dalam Negara Kasar antara tiga hingga 3.5 peratus bagi tahun 2002 yang diunjurkannya sebelum ini.